

01/11/1998

Perhebat kesedaran tangani kekeliruan

KUALA LUMPUR: Kementerian Penerangan memperhebatkan gerakan menangani masalah kekeliruan rakyat berhubung krisis ekonomi dan rasional pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim, kata menterinya, Datuk Seri Mohamed Rahmat.

Beliau berkata, lebih banyak penjelasan perlu dibuat bagi meningkatkan kesedaran serta keyakinan rakyat terhadap setiap keputusan kerajaan membabitkan kes Anwar dan ekonomi negara.

"Kita perlu memberi penjelasan berhubung krisis ekonomi serta pemecatan Anwar dari kerajaan serta Umno selepas sebulan gerakan menangani kekeliruan rakyat itu dilancarkan.

"Kementerian melalui Jabatan Penerangan bertanggungjawab mengatasi semua kekeliruan itu supaya rakyat dapat menerima sebab Anwar dipecat dan langkah kawalan ekonomi yang ditetapkan," katanya selepas melancarkan sambutan Hari Kualiti 1998 peringkat Kementerian Penerangan di sini, semalam.

Mohamed berkata, rakyat perlu diberi penjelasan tindakan yang dibuat terhadap Anwar adalah hak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan parti.

"Penjelasan itu penting kerana kita tidak mahu keadaan keselamatan dan kestabilan yang dinikmati sekarang terjejas hanya kerana isu pemecatan Anwar," katanya.

Beliau berkata, gerakan menangani masalah kekeliruan rakyat dilakukan melalui radio, televisyen serta bersemuka.

Sementara itu, Mohamed berkata, Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) akan melaksanakan tugas utama sebagai ejen penerangan kerajaan berikutan penyusunan semula struktur organisasinya.

"Dua bahagian iaitu Bahagian Pelesenan dan Bahagian Pengiklanan akan dipindahkan ke kementerian baru berkuatkuasa esok (hari ini).

"Sehubungan itu, semua urusan membabitkan pengeluaran lesen dan permohonan iklan kini diletakkan di bawah bidang kuasa kementerian baru," katanya.

Beliau berkata, semua urusan membabitkan operasi radio dan televisyen swasta juga diserahkan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

(END)